
BAB EMPAT

**PENGARUH ISLAH
MUHAMMAD 'ABDUH
TERHADAP GERAKAN
JAMAAH ISLAH MALAYSIA**

BAB EMPAT

PENGARUH ISLAH MUHAMMAD ‘ABDUH TERHADAP GERAKAN JAMAAH ISLAH MALAYSIA

4.1. Pendahuluan

Di dalam al-Qur'an, kalimah islah¹ seringkali disebut dan hampir sama maksudnya dengan reformasi yang sedang hebat laungannya serta meniti di bibir manusia pada abad ke 21. Konsepnya mempunyai "*strong sense of moral rightuousness*" serta "*sense of reshaping for sake of improving effectiveness*".² Maka ia membawa maksud memperbaharui ketaatan, ketakwaan dan keimanan kepada Tuhan Yang Esa. Sepanjang perjalanan sejarah Islam, terdapat banyak aspek khusus di dalam skop tempatan dan globalisasi yang membuka kepada timbulnya gerakan reformasi, terutama isu-isu yang berhubung dengan moraliti kemasyarakatan.

Tugas pengislahan membawa dimensi yang luas di dalam skop kehidupan manusia di peringkat individu dan sosial. Intipatinya adalah pembaikan, pencegahan daripada kerosakan dan pemulihan, perubahan kepada persekitaran yang lebih baik

¹ Maksudnya mendamaikan atau membetulkan. Lihat: Muhammad Idris Abdul Raof al- Marbawi (1350 H), *Kamus Idris Marbawi*, Mesir: Mustafa al-Sababi al-Halbi dan anaknya, h. 342.

² Ahmad Azam Abdul Rahman(Oktober 1998), "Reformasi ABIM", *Tamadun*, (T.T.P): Penerbit al-Muttaqin, h. 48

juga pembaharuan dan pembangunan serta tuntutan untuk mewujudkan perdamaian dan diperteguhkan oleh syariat Islam di dalam mengatur kehidupan manusia, sebagaimana firman Allāh s.w.t.

رَبَّنَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَاضْلِحُوا بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya:

“Orang-orang yang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Oleh itu, damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan patuhlah kepada Allāh, supaya kamu mendapat rahmat!”.

(Surah al-Hujurat(49):10

Kesedaran tentang betapa pentingnya pengislahan³ sama ada di dalam bentuk individualisme mahu pun *jamā'i* inilah yang telah membangkitkan semangat Syeikh Muhammad ‘Abduh untuk menyedarkan kembali umat Islam, akan betapa pentingnya kehidupan yang murni dengan berlandaskan pegangan akidah yang sebenar. Namun sebagai setiap yang hidup, pasti akan mati cuma jasa-jasa beliau yang masih tinggal. Sememangnya diakui bahawa pengaruh beliau cukup kuat sama ada di kalangan murid-muridnya mahu pun tokoh-tokoh Islah yang muncul selepasnya. Demikianlah juga di Malaysia, walaupun pada awal abad ke 20, gerakan pengislahan beliau banyak dipengaruhi oleh gerakan kesedaran di dalam bentuk individu, tetapi pada akhir abad ke 20 dan awal abad ke 21, gerakannya lebih kepada bentuk institusi.

³ Ibid

4.2. Gerakan Politik dan Pentadbiran

Muhammad ‘Abduh telah banyak berjasa kepada dunia di dalam suara reformasinya. Perspektif politik tidak pernah diketepikan, sebaliknya digarap dengan penuh teliti dan terperinci agar masyarakat faham status politik yang sebenar-benarnya. Suasana politik umat Islam di alaf ini turut memerlukan pengislahan, biarpun ia tidaklah seburuk politik ketika zaman Syeikh Muhammad ‘Abduh yang jelas lagi nyata diadakan satu gerakan kesedaran yang menyeluruh. Melihat kepada gerakan JIM yang bertapak di tanahair⁴ tercinta pada tahun 90 an , semacam ada sedikit sebanyak persamaan dengan islah yang diusahakan oleh Muhammad ‘Abduh. Oleh itu bagi mengenalpasti sama ada pengaruh Muhammad ‘Abduh wujud atau pun tidak, maka di sini penulis berusaha mengenali gerakan JIM dengan lebih dekat.

Apabila merenung kembali sejarah awal hingga membawa kepada tertubuhnya Jamaah Islah Malaysia (JIM), menunjukkan adanya hubungan yang rapat dengan gerakan tokoh-tokoh Islam yang lebih awal terutamanya gerakan *Ikhwānul Muslimīn*. Sebagaimana diketahui, penggerak utama gerakan *Ikhwānul Muslimīn* ini adalah Hassan al-Banna⁵ yang lahir pada tahun 1909 di Mesir yang juga merupakan tanahair Syeikh Muhammad ‘Abduh. Walaupun beliau tidak

⁴ Amat Juhari Moain (Ogos 1970), “Reformis Islam Yang Revolusioner Muhammad ‘Abduh”, *Dewan Masyarakat*, jil.VIII.bil.8. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 34

⁵ Lahir pada tahun 1909 di kampung Al-Mahmudiyah ,Mesir. Menerima pendidikan di awal usia 8 tahun dan dalam usia 12 tahun beliau memasui sekolah rendah dan melibatkan diri dalam Jamaa ‘ah al-Suluk al-Akhlaqi.Pada bulan mac tahun 1928, beliau telah menubuhkan organisasi al-Ikhwan Muslimin di Bandar Ismai’iah.Merupakan seorang pendakwah dan pejuang Islam yang ulung di abad 20.Lihat: A-Imām Hassan al-Banna (1993), *Usrah dan Dakwah*, (T.T.P):Dewan Pustaka Fajar, 3, h.i

berguru secara langsung dengan Muḥammad ‘Abduh, namun darah perjuangan tokoh reformasi tersebut telah mengalir di dalam diri bapanya iaitu Ahmad 'Abdul Rahman Al-Banna. Hassan al-Banna juga pernah mengadakan hubungan dengan Mahyuddin Al-Khatib, Farīd Wajīdī dan Muḥammad Rashid Ridha, murid Muḥammad ‘Abduh yang paling setia dan berpengaruh. Dengan ini secara tidak langsung gerakan Syeikh Muḥammad ‘Abduh telah menjadi sumber inspirasi Imam Hassan al-Banna di dalam meneruskan cita-cita murninya, selain daripada pendedahannya dengan sistem pendidikan di Darul ‘Ulum yang pernah menjadi tempat gerakan Muḥammad ‘Abduh.

Hubungan yang wujud tetap ada yang berbezanya sama ada secara langsung atau pun tidak langsung. Demikianlah gerakan JIM yang menjadikan gerakan *Ikhwānul Muslimīn* sebagai sumber inspirasi di dalam gerakannya sudah pasti turut menerima idea-idea yang disebarluaskan⁶ oleh Syeikh Muḥammad ‘Abduh.

Sebagai sebuah pertubuhan NGO, JIM bukanlah sebuah pertubuhan politik di mana pertubuhan bukan kerajaan adalah berbeza dengan pertubuhan politik. Kerana itu pertubuhan ini dilarang oleh Pendaftar Pertubuhan daripada terlibat secara langsung di dalam kegiatan politik. Tetapi ini tidaklah bermakna JIM mengenepikan seratus peratus politik dan pentadbiran Islam sebaliknya hanyalah di dalam politik kepartian atau partisan⁷, kerana JIM merupakan sebuah pertubuhan yang ingin

⁶ Wawancara dengan Prof. Madya Dr. Hj. Sahrim Ahmad ,Setiausaha Agung JIM 1999-2001 di Pejabat Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Kuala Lumpur pada 17 November 2001.

⁷ Saari Sungib (1995), *Menggerak Gagasan 1995-2000 Bersama Menggaris Agenda Ummah*, Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia,h. 68 .

melihat Islam berkembang di bumi Allāh. Mana-mana pihak yang bercita-cita untuk menegakkan agama Islam akan sentiasa diberi sokongan baik kerajaan mahu pun pembangkang. Islam adalah satu agama yang syumul, meliputi semua aspek sama ada politik, ekonomi, sosial mahupun pendidikan, jika diketepikan salah satu di antaranya maka pincanglah ia. Di sini penulis meninjau beberapa aspek politik dan pentadbiran atau kenegaraan yang diberikan penekanan oleh JIM di dalam memastikan kalimah Allāh s.w.t. tegak di muka bumi Malaysia ini di samping mempunyai pengaruh tidak langsung gerakan Syeikh Muḥammad ‘Abduh.

4.2.1. Gerakan Secara evolusi.

Anjakan paradigma dalam ucapan mantan Haji Saari Sungib⁸ adalah menarik bagi pemerhati perkembangan politik semasa. Pada tahun 1994, beliau berucap:

‘JIM bukan parti politik. Sebagai satu entiti organisasi, JIM tidak akan menjadi sebuah parti politik ataupun mengambil profil berpihak kepada sesuatu parti politik.’⁹

Kegawatan sosio-politik yang tercetus dengan hebatnya pada tahun 1998 mewarnai anjakan paradigma JIM serta presidennya. Walaupun dakwah *First and Last* di dalam misinya, namun sokongan kepada perkembangan dan amalan¹ politik

⁸ Beliau dilahirkan di Selangor pada 3 Ogos 1957 dan memegang jawatan Presiden JIM dari tahun 1991 hingga 1998. Lihat: Ibid.

⁹ Saari Sungib (1995), op.cit,h. 45

yang positif dan konstruktif serta membantu meluaskan perlaksanaan tuntutan Islam dalam ummah dan negara tidak diketepikan.

Sebagai sebuah gerakan Islam, JIM tidak boleh menjadi *Politically Naïve*,¹⁰ namun ia tidak membawa pendekatan parti politik. JIM sentiasa melihat di samping mencari peluang perdamaian dan pengislahan serta berhasrat bersama-sama mereka yang menjadi agen pemberaikan dalam suasana sosio-politik negara yang terus tegang. Di samping itu, JIM sentiasa mencari-cari peluang perdamaian dan pengislahan. Jika masyarakat umum melihat pertubuhan ini rapat dengan barisan parti-parti pembangkang iaitu Barisan Alternatif, ini semuanya berasaskan prinsip. JIM percaya keinginan untuk muzakarah diadakan di antara BN dan BA, namun tiada keazaman untuk siapa memulakannya. Walaubagaimanapun setiap kelompok pasti mempunyai rasionalnya yang tersendiri.

4.2.2. Politik Yang Positif dan Konstruktif

JIM telah meletakkan landasan yang utama di dalam gerakannya tanpa mengira bangsa atau agama. Walaupun JIM tidak melibatkan diri di dalam politik kepartian, namun ia turut memberikan idea dan pandangan terhadap politik yang diingini oleh masyarakat Islam di Malaysia khususnya. Politik yang diteraskan dengan nilai-nilai budaya yang adil, murni serta tiada pertentangan dengan nilai-nilai sejahtera yang diperakui oleh ad-dinul Islam menjadi terasnya. Politik Malaysia

¹⁰ Bermaksud tidak matang dalam politik. Lihat: Mohamed Hatta Shaharom (2000), *Menerajui Inovasi Perjuangan*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, h. 14.

diharapkan membina satu *world view* dengan acuannya sendiri¹¹ di mata dunia. Senario kewujudan dua parti politik besar Melayu-Islam dipandang serius akan objektifnya dan tidak boleh dilihat semata-mata dari kacamata perpecahan dan melemahkan kekuatan umat Islam di negara ini. Kewujudan dua gerakan politik ini mampu membina sinergi ke arah pengukuhan kedudukan pemerintahan Islam di dalam negara yang dihuni oleh pelbagai etnik.

Perubahan-perubahan positif dalam amalan politik Melayu-Islam yang meliputi usaha penghapusan politik wang menüpakan lebih cepat lagi ciri-ciri moral Islam dalam amalan parti. Lantaran itu, sebarang usaha untuk memperteguh dan memperkuatkan umat dan nilai-nilai Islam dalam mana-mana parti politik lain akan diberikan sokongan sewajarnya. Hanya politik sedemikian mampu melahirkan barisan kepimpinan yang berwawasan besar yang boleh memberi fokus kepada memartabatkan negara dan rakyat. Pengolahan politik positif dan konstruktif juga memastikan penglibatan orang Islam dalam bidang- bidang strategik yang dapat membina kekuatan umat, di samping penguasaan bidang ilmu dan kemahiran di kalangan bangsa Melayu-Islam akan meningkatkan pengaruhnya untuk terus menerajui kepimpinan politik negara.¹²

Tidak dinafikan integrasi sosial di antara umat Islam dan bukan Islam terencat lantaran prejedis politik. Kerana itulah pengolahan politik positif dan

¹¹ Ibid

¹² Saari Sungib (1994), Aktivisme JIM1993-1994, Kuala Lumpur:Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia, h. 11.

konstruktif sekurang-kurangnya dapat memperluaskan proses asimilasi¹³ budaya di atas dasar Islam dan nilai-nilai murninya agar sebarang ketegangan yang berhubung dengan politik perkauman dapat diredakan. Suasana seperti ini akan mampu menggalakkan pembangunan masyarakat dan negara di atas prinsip-prinsip keadilan sejagat.

4.2.3. Prinsip *Musyawarah*

Sebagai sebuah pertubuhan Islam, JIM berusaha sedaya upaya mereka untuk memastikan penglibatan semua pihak di dalam menyumbangkan tenaga dan material ke dalam pembangunan masyarakat. Penegasan ini sudah terpahat kukuh sejak dari awal penubuhannya lagi melalui lakaran satu wawasan, sesungguhnya JIM akan membina tapak-tapak kekuatan yang berteraskan agenda global dan anatarabangsa. Sifat-sifat gerakan Islam atau *Jamaah Islamiyyah* menjadi prinsip pertubuhan. Lantaran itu budaya *musyawarah, ukhuwah dan mahabbah, mujahadah dan tadhayyih* serta *tarbiah* dan pembangunan insan menjadi amalan di dalam perjuangannya.

Pemilihan pemimpin-pemimpin JIM dijalankan berdasarkan kesanggupan mereka yang dipilih untuk menerajui dan memenuhi amanah dalam menyampaikan dakwah Islamiyyah untuk hidup berjamaah. Penyelarasian pengurusan dan perancangan yang diwujudkan oleh saf pimpinan Pusat dan Negeri dengan merangka perjalanan JIM bagi setiap peringkat, berasaskan objektif-objektif tertentu

¹³ Saari Sungib (1995), op.cit, h. 70

melalui budaya MBO (*Management by Objectives*). Terasnya¹⁴ adalah prinsip musyawarah dan muzakarah di mana setiap objektif yang ingin dilaksanakan hendaklah dirunding terlebih dahulu. Pembudayaan MBO berteraskan prinsip-prinsip Islam ini telah menjadikan JIM sebagai satu pergerakan *task oriented* dan juga *people oriented*. Ini kerana, melalui pengamalan kedua-dua prinsip ini, mekanisma penyelarasan dan kawalan organisasi telah dilaksanakan di atas semangat berpasukan, ukhuwwah, mesra dan saling bertimbang-rasa.

Teknologi terkini dibudayakan dan digunakan sepenuhnya oleh pertubuhan Jamaah Islah Malaysia yang sekaligus menjadikan JIM sentiasa mengikuti perkembangan semasa termasuklah juga di dalam melaksanakan musyawarah.¹⁵ Kemudahan IT telah mempercepatkan lagi hubungan di antara ahli-ahli yang jauh untuk berinteraksi. Berhubung secara *on line* melalui Naqib Net memudahkan penyampaian maklumat dan perbincangan di kalangan ahli-ahli JIM. JKP. Net pula memastikan hubungan dan arahan dapat disampaikan di dalam jarak masa yang singkat selain daripada menyampaikan sebarang ucapan dan kata-kata amanah daripada Presiden.

Harapan Presiden JIM agar pucuk kepemimpinan JIM sama ada di peringkat pusat, negeri mahu pun daerah menjalankan tugas dengan penuh amanah dan

¹⁴ Saari Sungib (1996), *Membina Teras-teras Kekuatan*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, h. 9

¹⁵ Wawancara bersama Prof. Madya Dr. Mohamed Hatta Shaharom, Presiden JIM 1999/2001

keazaman yang tinggi dan terus menghayati amalan syura sebagai amalan yang sihat untuk menentukan hala perjuangan dan wawasan JIM.

4.2.4. Prinsip-prinsip Syariah

Tunjang utama pengisian dalam medan atau skop sistem adalah menggantikan sistem buatan manusia, kepada sistem yang diturunkan oleh Allah s.w.t iaitu syariat Islam sebagai panduan asas perjalanan masyarakat kepada sistem yang diturunkan. Perbincangan mengenai perkara-perkara syariat adalah sesuatu yang semestinya dianggap sebagai agenda ummah. Tumpuan utama merujuk kepada aspek perlaksanaan undang-undang yang mempunyai kedaulatan menyeluruh sama ada dinamisme sosio-ekonomi mahu pun politik dan pentadbiran negara. Ia turut mengenengahkan satu perspektif bahawa isu pengisian masyarakat yang dikukuhkan dengan kedaulatan undang-undang Islam menjadi faktor utama dalam mengisi kemaslahatan negara.

Perlaksanaan undang-undang Islam terutamanya undang-undang kekeluargaan dan ibadat sudah lama berjalan di Malaysia. Pelbagai peruntukan telah diberikan agar pindaan dan pengukuhan¹⁶ beberapa aspek dapat dilakukan, untuk mengisi lebih banyak tuntutan syariat dalam menguatkuaskan undang-undang di bawah pentadbiran negara.

¹⁶ Saari Sungib (1995), op.cit, h.75

Ruang untuk undang-undang Islam atau syariah masih terbuka luas walaupun pada hakikatnya bidang kuasa Mahkamah Syariah terhad berbanding bidangkuasa mahkamah Tinggi. Pentadbiran bidangkuasa di peringkat negara di bawah Majlis Agama Islam Negeri yang dinaungi oleh sultan dan raja-raja Melayu, memberi ruang kepada penambahan pengutkuasaan undang-undang *ta'zir* yang dikhususkan kepada orang Islam. Lebih banyak tuntutan syariat dapat di bawah pentadbiran undang-undang Islam di bawah enakmen negara melalui pindaan suara majoriti ahli-ahli Dewan Undangan Negeri akan membantu pengisian lebih banyak tuntutan syariat sekiranya pengaruh dan majoriti ahli-ahli Dewan adalah dominan.¹⁷

Penyelarasan undang-undang Islam yang merangkumi aspek-aspek pentadbiran di peringkat kebangsaan melalui platform-platform nasional. Namun dari segi undang-undang perlombagaan dan antara undang-undang Islam tidak mempunyai kedaulatannya sendiri yang bererti mana-mana peruntukan yang bercanggah dengan akta tersebut tertolak. Mengenepikan syari'at Allāh s.w.t. adalah bertentangan dengan prinsip Islam sebagaimana digariskan oleh al-Qur'ān yang berbunyi:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكُفَّارُ

Maksudnya:

“Barang siapa yang tidak memutuskan menurut apa yang diturunkan Allāh, maka mereka itu adalah orang kafir.”

Surah al-Mai'dah (5):44

¹⁷ Ibid,h. 76

Ayat ini secara jelas menunjukkan perintah memberikan kedaulatan sepenuhnya kepada undang-undang Allāh s.w.t. dan penafian terhadapnya membawa kekufuran. Sejarah sebelum dan selepas penurunan al-Qur'an telah membuktikan bahawa mana-mana masyarakat dan kaum yang menolak undang-undang Islam pasti akan menghadapi kehancuran dan kebinasaan.¹⁷

Dalam perundangan sendiri, hukum-hukum yang berkaitan dengan *mua'malah duniawiyah* bolehlah di dasarkan kepada perkara-perkara yang menjurus kemaslahatan umum serta menolak daripada kemudarat. Dengan ini, hukum-hukum tersebut sifatnya tidak tetap dan boleh berubah mengikut 'illah. Asas yang berpandukan kepada kemaslahatan dan kemudarat telah memancarkan keunggulan syariat Islam yang berperanan untuk mengatur kehidupan manusia ini di dunia serta menyediakannya untuk bekalan di akhirat kelak. Allāh menurunkan undang-undang dan peraturannya adalah untuk menjaga lima perkara utama yang penting demi kebahagiaan manusia sejagat iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Bagi memastikan kemaslahatan itu terjamin perlaksanaannya hendaklah di dasarkan kepada realiti sebenar dalam masyarakat. Dalam konteks negara, perlaksanaan syari'at adalah menjurus kepada kompleksiti serta aspek-aspek pembangunan dan perubahan yang seringkali berlaku di dalam masyarakat.

¹⁷Ibid

Di Malaysia, proses mendaulatkan syariat Islam sudah pasti ada acuannya yang tersendiri, merujuk kedudukan orang Islam yang menerajui pemerintahan negara yang membolehkan perlaksanaan undang-undang Islam melalui proses pindaan Perlembagaan Persekutuan. Proses ini bersifat *homeostasis* yang tidak mengganggu kestabilan dan asas-asas keharmonian masyarakat. Perlaksanaan syariat Islam sepenuhnya di negara Malaysia yang tercinta sudah pasti akan dapat mengatasi kemaslahatan ummah dan menjadi misi penting JIM. Ini juga selaras dengan apa yang dijanjikan oleh Allāh s.w.t. kepada umat manusia kelak:

وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لِيَسْتَخْلِفُوهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا
أَسْتَخْلِفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُمْ دِيْنٌ الَّذِي ارْتَضَى لَهُمْ وَلَيَدْرِي
لَهُمْ مَنْ بَعْدِ حَوْفِهِمْ أَمْنًا

Terjemahan:

“ Dan Allāh telah berjanji kepada orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh-sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhainya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa.

Surah an-Nur (24) : 55

4.2.5. Pembinaan Masyarakat

Misi “Bersama Islam Membina Masyarakat” yang didokong oleh JIM menegaskan bahawa pembinaan pembentukan individu dan sosial diasaskan kepada

aqidah yang sahih, perlaksanaan syariat yang meluas,¹⁹ penghayatan ibadah dan pencernaan *akhlaq mahmudah* dalam menggerakkan aktiviti dan dinamika kehidupan. Berdasarkan semangat, kesedaran dan kefahaman untuk mencapai cita-cita dan aspirasi Islam yang unggul, JIM dibina untuk menggembung seluruh sumber dan potensi dalam masyarakat serta mendukung konsep kesatuan.

Rasūlullah s.a.w. bersabda:

عَنْ أَبِي عَمْرُوْ وَقَبْلَ أَنْ يَعْمَرَهُ سُفِيَّانُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَّ، أَنَّ اللَّهَ عَنْهُ قَالَ، قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ : قُلْ لِيْ
فِي إِلَاسْلَامِ فَوْلَأْ لَا أَسْأَلُ عَنْهُ أَحَدًا غَيْرَكَ، قَالَ : قُلْ أَمَنْتُ بِاللَّهِ ثُمَّ أَسْتَقْرِمْ .

Maksudnya:

“....Sesungguhnya amalan yang paling disukai oleh Allāh swt ialah amalan yang sedikit tetapi berterusan (*istiqamah*)”²⁰

Perjuangan JIM melibatkan proses integrasi menyeluruh yang menekankan perkongsian pemikiran dan idealisme untuk membangunkan masyarakat dan tamadun manusia, misi pengislahan masyarakat bertujuan untuk menggerakkan dan menggembung tenaga dan ummah di samping pengukuhan iltizam ummmah untuk sentiasa berada di jalan yang diredhai Allāh s.w.t. sebagaimana diperintahkan olehNya berlandaskan al-Qur’ān dan as-Sunnah.²¹

Kewujudan manusia di muka bumi ini bukanlah secara tiba-tiba tanpa sebabnya. Manifestasi kepada pengabdian sepenuhnya kepada Allāh s.w.t. dengan

¹⁹ Ibid

²⁰ Imam Muhyiddin Abu Zakariyya Yahya bin Sharif (1996), *Riwayat Muslim, Hadith 40 (Terjemah dan Syarahnya)*, Mustafa ‘Abdul Rahman (terj.), (T.T.P.): Dewan Pustaka Fajar, no. hadith 21.

²¹ Wawancara dengan Encik Zaid Kamaruddin Timbalan Presiden JIM 1999/2001,di Pejabat Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Kuala Lumpur pada 17 November 2000 D

berpegang kepada agama Allāh s.w.t.. Islam adalah cara hidup yang paling sempurna untuk sekalian umat manusia sebagaimana janji Allāh s.w.t.. Sebagai seorang muslim yang menghayati dan mengamalkan Islam sebagai ad-din, maka adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap individu itu untuk menyeru manusia ke jalan Islam sebagaimana firman Allāh s.w.t.:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ تِبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ وَهُدًى وَرَحْمَةً وَبُشْرَى لِلْمُسْلِمِينَ

Maksudnya:

“Dan kami turunkan kepadamu al-Kitab (al-Qur’ān) untuk menjelaskan segala sesuatu dan hidayah serta rahmat dan khabar gembira kepada para muslimin.”

Surah an-Nahl (16) :89

Allah s.w.t telah mentakdirkan JIM meneruskan usaha dakwah pada alaf baru yang mempunyai cabarannya yang tersendiri, terutamanya perkembangan pesat teknologi komunikasi dan maklumat yang merubah secara drastik sistem sosial, ekonomi dan politik manusia seantero dunia. Dalam konteks dakwah, JIM melihat penggunaan dan penerimaan ICT sebagai satu kebaikan, peluang, dan keperkasaan²² yang boleh membantu usaha dakwah.

Bagi JIM, sebagai penggerak dakwah, mereka mestilah mempersiapkan dan memperkasakan diri serta organisasi JIM dengan ICT agar mampu memimpin

²² Harlina Halizah Siraj(2000), *Merintis Kepimpinan Wanita Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, h. 19

sasaran dakwah pada alaf baru. Lantaran itulah, semua penggerak dakwah JIM mengambil pendekatan dan strategi yang disepakati bersama di dalam memanfaat ICT bagi memastikan kecemerlangan dakwah. Antaranya ialah:

- 1- Mempunyai sikap positif terhadap ICT dan melihatnya sebagai anugerah Allah s.w.t. untuk penggerak dakwah pada alaf baru.
- 2- Menerima penggunaan ICT dalam kehidupan peribadi seorang da'i juga organisasi bersama JIM.
- 3- Mengikuti dan mempelajari perkara terkini berkaitan dengan ICT agar seseorang da'i itu dapat menguasai serta menyusun strategi penggunaan ICT yang berkesan, demi memaksimumkan hasil seruan dakwah agar ramai manusia kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.
- 4- Manusia memerlukan komunikasi dalam melaksanakan misi dakwah secara '*amal jamā'i*. Kerana itu, JIM menggalakkan penggunaan ICT yang efektif bagi menghasilkan produk dan '*amal Islāmī* yang berlipat kali ganda dengan menghadkan penggunaan tenaga manusia.

JIM berusaha dengan gigih untuk memperkasakan ahli-ahli dan organisasi JIM dengan kepakaran memimpin Dakwah Digital dan JIM terkehadapan dari segi persediaan penerimaan ICT berbanding dengan gerakan-gerakan dakwah yang lain di Malaysia.

Proses ini akan sampai ke kemuncaknya apabila masyarakat dan pentadbiran negara memperakui dan melaksanakan sepenuhnya syariat Allah s.w.t.. Beberapa perkara yang menjadi asas strategi JIM perlulah diberi penekanan bagi memastikan

segala yang dicita-citakan menuju kejayaan. Dakwah dan segala aktiviti yang digerakkan oleh JIM adalah untuk keseluruhan masyarakat dan bukan terhad kepada ahli-ahli atau golongan tertentu sahaja kerana perlulah difahami bahawasanya Islam adalah satu cara hidup yang universal.²³ Lantaran itu, segala program dan aktiviti yang dianjurkan mestilah sesuatu yang mudah diterima dan dikongsi bersama.

JIM percaya imej golongan Islam yang dinamis, berdaya maju serta berkeupayaan mentadbir sistem moden perlulah diketengahkan, supaya mereka tidak ketinggalan di dalam arus perdana masyarakat. Dimulai dengan pentadbiran dan pengurusan gerakan Islam sendiri disemua peringkat diikuti dengan sumbangan di dalam pengurusan jabatan, agensi korporat. Para pendukung Islam perlulah sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan ke arah pengurusan yang berkesan, kompetensi dalam menjayakan kerja serta sentiasa bertindak profesional di dalam segala perkara yang dilaksanakan.²⁴

Dalam merealisasikan amanah dakwah, JIM berkeyakinan mereka tidak keseorangan kerana ramai individu Muslim yang cintakan Islam dan mahukan syiar Islam berkembang di negara ini. Bahkan terdapat juga golongan individu bukan Islam yang mendukung nilai-nilai mulia dan kebenaran inginkan keadilan serta 'kesaksamaan yang menjadi asas sistem kehidupan masyarakat. Usaha menegakkan

²³ Ahmad Jamali bin Sepihie (2000), "Memperkasakan JIM Dalam Memimpin Dakwah Digital Alaf Baru, Risalah Pemimpin", Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, h. 165

²⁴ Wawancara dengan Encik Jamil bin Sayuti, Setiausaha JIM Daerah Klang, di Taman Sri Andalas, Klang, pada 9 September 2001.

syariat Islam akan menemui kejayaan sekiranya pengembangan tenaga bersama dilaksanakan.

Iman dan *ukhuwwah* yang menjadi teras perjuangan Islam telah dipraktikkan atau dikembangkan oleh JIM kepada masyarakat global.²⁵ Jalinan *ukhuwwah* di kalangan saudara pendukung *Islamiyyah* diikat lantaran pegangan bahawa, wadah yang berbeza bukanlah penyebab pengasingan atau perpecahan sekiranya matlamatnya adalah sama. Usaha JIM di dalam memperjuangkan Islam berdiri di atas satu keyakinan dan demikian jugalah tanggapan JIM terhadap pertubuhan yang sealiran dengannya.

Lanjutan salam *ukhuwwah* ini, mesej Islam yang disampaikan akan lebih berkembang lantaran hilangnya sempadan antara golongan manusia dan luasnya pengenalan. Hubungan ini dapat dirujuk kepada sirah Rasulullah s.a.w. yang menitikberatkan *ukhuwwah* di antara semua pihak tanpa mengira agama, kedudukan, kebesaran kerajaannya dan jarak di antara mereka. Prinsip JIM ialah selagi ada pihak yang inginkan kebaikan kepada masyarakat,²⁶ selagi itulah pertubuhan ini akan mengadakan hubungan dan mewujudkan kerjasama antara mereka.

Perjuangan yang didukung oleh pertubuhan JIM ini, ruangnya lebih luas dan menyeluruh, bermula daripada usaha memperbaiki ahli-ahlinya dan

²⁵ Saari Sungib (1995),*op.cit*, h. 56

²⁶ Saari Sungib (1996),*op.cit*, h. 83

anggota masyarakat hingga kepada sumbangan dan penglibatan secara langsung ke arah pembinaan masyarakat serta peradaban Islam. Kesepadauan tunggak perjuangannya lantaran perihal pentingnya penggembangan seluruh sumber di dalam pembentukan masyarakat yang positif dan progresif.²⁷ Jika Muhammad 'Abduh berjuang membuka kembali minda umat Islam yang hampir tertutup rapat kepada gerakan ijihad, maka demikian jugalah apa yang diinginkan oleh pertubuhan JIM lebih-lebih lagi sinonim dengan namanya untuk mengislahkan masyarakat.

Melalui pendekatan “Bersama Islam Membina Masyarakat” JIM akan terus berusaha mengadakan perubahan, sama ada di kalangan anggotanya sendiri mahu pun masyarakat di sekelilingnya. Antara agenda perjuangannya ialah mewujudkan institusi tersendiri di atas nama JIM selain galakan ke atas keanggotaannya untuk mendekati masyarakat melalui institusi tertentu, dorongan serta kerjasama kepada anggota masyarakat dan institusi ke arah kebajikan, menjalin hubungan baik dengan gerakan-gerakan Islam, menghulurkan sumbangan kepada sebarang bentuk organisasi, parti-parti serta agensi-agensi persendirian, kerajaan dan bukan kerajaan, serta badan-badan bukan Islam demi keharmonian masyarakat.

JIM tidak mahu melihat masyarakat hidup di dalam menyanjungi budaya jumud dan meminggirkan kemodenan. Lantaran itulah, sebagai satu pertubuhan Islam, JIM akan memastikan segala bentuk pembangunan yang dicapai manusia alaf baru di arahkan kepada masyarakat secara positif. Ini didasarkan atas keyakinan JIM

²⁷ Fuziah Salleh (1996), *Wanita.....Bersama Membina Ummah*, Kuala Lumpur: Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, h.17.

bahawa pendekatan yang bersepadan sahajalah membina kepercayaan masyarakat bahawa Islam amatlah relevan²⁸ dalam pembangunan masyarakat.

4.3. Pendidikan

Syeikh Muhamad ‘Abduh terkenal dengan idea-idea baru yang dikemukakan di dalam gerakan pengislahan pendidikannya, sehingga beliau mendapat jolokan sebagai tokoh Reformasi Pendidikan daripada masyarakat umum. Perjuangan JIM pula hampir sama dengan apa yang telah digerakkan oleh Muhamad ‘Abduh lebih-lebih lagi kecenderungan Jamaah ini di dalam pengislahan pendidikan. Walaupun kemunculan kedua-dua gerakan ini pada tika dan masa yang berbeza ditambah pula dengan situasi yang amat jauh sekali perbedaannya, namun ini tidaklah membataskan perkaitan di antaranya.

Di dalam menggarap kepimpinan abad ke 21, umat Islam di Malaysia menghadapi satu agenda untuk menjadikan pendidikan mampu mengisi ruang persaingan di kalangan umat Islam. Program pengislahan JIM melihat pendidikan merupakan proses membaikkan, menambah, membangun potensi umat dan masyarakat di semua peringkat melalui usaha atau perancangan membentuk masyarakat yang progresif dan dinamis. Perlaksanaan program institusi pendidikan JIM bermatlamat untuk menambahkan lagi ruang atau alternatif dalam bidang pendidikan, serta penambahan terhadap usaha-usaha pengislahan masyarakat di

²⁸ Bermaksud dapat dikaitkan atau dihubungkan. Lihat : Sheikh Othman Sheikh Salim (2000), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1120.

samping mengetengahkan model mithali yang dilihat berjaya dan berkesan oleh aktivis JIM.

4.3.1. Pendidikan Bersepadu

Perkembangan- perkembangan dalam arena dakwah islamiah di peringkat dunia khususnya Muktamar Pendidikan Sedunia pada tahun 1977 M, telah memberikan impak kepada pelbagai pihak terutamanya golongan ibu bapa yang pernah menuntut di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Timur Tengah.²⁹ Pada tahun 1980 M, dengan sokongan padu daripada segelintir ibubapa yang beriltizam tinggi, bermulalah usaha berani bagi menujuhkan sistem pendidikan Islam berteraskan tauhid secara seimbang, menyeluruh dan bersepadu setelah tidak mendapat perhatian serius pihak kerajaan dan swasta. Pada dasarnya, JIM berusaha membentuk sistem pendidikan yang jauh daripada unsur-unsur sekular sebaliknya memberi penekanan dan integrasi di antara bidang akademik dan *dīniyah*.

Pendidikan bersepadu diteruskan dan dikembangkan sayapnya secara menyeluruh dan bersepadu³⁰ dari tahap pra sekolah sehingga ke tahap pengajian tinggi berteraskan keimanan dan pembentukan akhlak mulia. Dari sudut matlamat pendidikan yang diperkenalkan oleh JIM, jelas menunjukkan bahawa perlunya kesepaduan antara ilmu duniawi dan ukhrawi. Lantaran itulah, JIM turut memberi

²⁹ Wawancara dengan Ustaz Megat Amin Megat Mohd Noor, Pengelola Institusi Pendidikan al-Amin , Pejabat Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Kuala Lumpur pada 13 April 2002

³⁰ Saari Sungib (1995), op.cit, h: 144

sumbangan di dalam pembentukan generasi bertakwa atau generasi Rabbani yang mendukung tuntutan-tuntutan al-Qur'an dan As-Sunnah serta berkomitmen tinggi ke arah meningkatkan martabat ummah. JIM turut berusaha mengukuhkan asas pembangunan ilmu dan kepakaran dalam bidang-bidang yang dilihat mampu mengembalikan asas pembentukan semula peradaban Islam.

Selain daripada matlamat pendidikan secara menyeluruh, program-program dan institusi-institusi pendidikan JIM meletakkan matlamat khusus bagi memastikan kesepadan pendidikan yang dicita-citakan mencapai objektifnya. Oleh itu, JIM bertungkus lumus menggerakkan model-model program dan institusi pendidikan unggul dan mithali bagi membuktikan JIM satu pergerakan Islam yang berwibawa. Pendidikan JIM menyeluruh supaya para pelajar yang mendapat tarbiah di institusi ini boleh meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam pelbagai aspek.³¹

JIM juga memastikan pelajar-pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kelayakan formal serta asas-asas kemahiran hidup yang membolehkan mereka menempatkan diri dalam menyusuri arus perdana dan kekekalan di dalam mengharungi cabara kehidupan. JIM ingin melihat perjuangan yang digerakkan oleh pertubuhan ini sentiasa berterusan dan tidak berhenti separuh jalan. Kerana itulah, JIM dari peringkat awal usianya lagi berusaha menyediakan generasi pelapis untuk

³¹ Saari Sungib (1996), op.cit, h. 73 .

mendapatkan tenaga-tenaga pewaris masa hadapan sebagai penerus tugas-tugas pengislahan masyarakat.

Keupayaan JIM untuk mengetengahkan isu-isu pendidikan agar dapat dijadikan agenda penting negara disusun secara lebih teratur dan sistematis dengan penonjolan model-model institusi pendidikan serta tenaga akademik dan tokoh-tokoh JIM melalui program-program pendidikan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa.³² Penglibatan di dalam seminar seumpama ini membolehkan sumbangan JIM dalam pendidikan diiktiraf oleh negara dan JIM diambil kira sebagai salah satu *stakeholder* penting dalam menentukan agenda pendidikan bersepadu.

4.3.2. Pembentukan Institusi Pendidikan.

Pengoperasian program-program pendidikan JIM terdiri daripada dua dimensi iaitu program yang digerakkan melalui institusi-institusi formal dan juga program pengukuhan identiti dan imej JIM³³. Ini menjadikan JIM sebagai gerakan Islam yang mampu menempatkan dirinya di tengah-tengah masyarakat dengan isu-isu teori dan praktikal pendidikan. Institusi-institusi yang telah ditubuhkan hasil titik peluh penggerak pertubuhan ini terdiri daripada pendidikan Pra-Sekolah, Sekolah Rendah Islam dan Sekolah Menengah Islam serta program berkembar Pendidikan Peringkat Tinggi.

³² Ibid, h. 74.

³³ Saari Sungib (1994), op.cit, h. 62.

4.3.2.1. Pendidikan Pra-Sekolah

Masyarakat perlu disedarkan tentang peranan yang harus dimainkan dalam pembinaan generasi masa hadapan yang intelektual. Sebagaimana yang disebut oleh Puan Fuziah Salleh, Ketua Wanita JIM:

“Pendidikan merupakan satu unsur yang penting di mana ia melibatkan ta’lim iaitu proses penyampaian ilmu, ta’dib iaitu proses mendidik kehalusan adab dan tarbiyah iaitu proses melatih atau latihan. Usaha pendidikan yang menyeluruh inilah yang akan melahirkan para pejuang Islam yang mempunyai kualiti asas iaitu kualiti aqidah dan keilmuan yang mantap dan di dalam masa yang sama memiliki keperibadian yang menarik.”³⁴

Kini dan akan datang benar-benar memerlukan intelektual yang mempunyai kemahiran dan kepakaran yang mampu mengasimilasikan pencapaian dari Barat atau Timur. Para intelek yang diingini mampu menonjolkan satu model alternatif pembangunan ummah yang tersendiri yang bersesuaian dengan acuan masyarakat setempat. Kerana memikirkan akan tanggungjawab inilah, maka Wanita JIM telah mengenengahkan sumbangan JIM kepada masyarakat umum melalui institusi pendidikan pra-sekolah. Bermula dengan penubuhan tadika Amal di Jalan Kent pada tahun 1983, kini terdapat 50 rangkaian tadika yang menggunakan model Tadika

³⁴ Ucapan Dasar Ketua Wanita, Perhimpunan Perwakilan Wanita Nasional (PPWN) ke-4 pada 23 November 1996, UKM.

Amal³⁵ di seluruh negara dengan kurikulum, sistem dan penyelaras buku teks rujukan para pelajar di samping beridentitikan imej yang jelas.

Institusi ini diperkemaskan pengurusannya agar lebih proaktif, berinovasi dan kontemporari, seterusnya mampu menanamkan bibit-bibit ajaran Islam yang suci lagi syumul ke dalam jiwa anak-anak kecil. Usaha yang dilakukan ini adalah untuk memastikan institusi pra-sekolah bertahan dan semakin meningkat maju. Institusi pendidikan yang dibentuk melalui usaha Wanita JIM diharapkan mampu bersaing dengan tadika-tadika lain yang tumbuh bagai cendawan di musim hujan' tanpa mengubah *priority* yang telah sedia ada. Harapan Wanita JIM untuk menawarkan pengajaran atas ICT, pembelajaran yang interaktif dan kreatif di samping peningkatan pengajaran bahasa

Arab dan Bahasa Inggeris agar institusi pra-sekolah ini lebih kompetatif.

4.3.2.2. Sekolah Rendah Islam al-Amin

Sekolah Rendah Islam al-Amin bermula pada tahun 1986 dengan bangunan empat tingkat di kawasan seluas seekar di Taman Keramat. Cawangannya yang ditubuhkan pada 1 Januari 1989 asalnya rumah banglo dengan kawasan seluas 4 ekar di Sungai Pusu, Gombak yang kemudiannya diubahsuai dengan suasana persekolahan yang kini mempunyai 9 buah bilik darjah. Sekolah Rendah Islam al-Amin di dalam usaha melahirkan generasi pelapis yang benar-benar mantap keilmuannya, telah mengambil pendekatan pendidikan bersepada yang merangkumi

³⁵ Harlina Halizah Siraj, op.cit, h. 17.

kurikulum anjuran Kementerian Pendidikan lalu diperkembangkan dan diperkuuhkan dengan pendidikan Islam yang digubal sendiri oleh al-Amin. Kesemua mata pelajaran KBSR diajar berpandukan kepada keperluan Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Walaubagaimanapun, perlaksanaannya adalah berasaskan kepada matlamat pendidikan al-Amin agar ia dapat disampaikan melalui pendekatan tauhid, akhlak dan dakwah merentasi kurikulum.³⁶

4.3.2.3. Sekolah Menengah Islam al-Amin.

Sekolah Menengah Islam al-Amin ditubuhkan bermula dengan lot kedai sewa kepada kawasan empat ekar di Sg. Pusu, Gombak. Ramai pihak beranggapan Sekolah Menengah Islam al-Amin merupakan sebuah institusi pendidikan yang berasaskan tauhid dan sistem pendidikan Islam yang seimbang, menyeluruh dan bersepada³⁷ yang pertama ditubuhkan di Malaysia dan seluruh dunia. Sambutan hangat terhadap sistem pendidikan ini telah mencetuskan penubuhan sebanyak empat belas buah Sekolah Rendah Islam dan lapan buah Sekolah Menengah Islam yang bergabung di bawah Pertubuhan Majlis Guru Besar Sekolah Islam Malaysia.

³⁶ Wawancara dengan Dr. Ruziaton binti Hashim, Ketua Wanita JIM Daerah Klang, di Taman Sri Andals, Klang, pada 9 September 2001

³⁷ Wawancara dengan Ustaz Megat Amin Megat Mohd. Noor, Pengelola Institusi Pendidikan al-Amin, di Pejabat Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Kuala Lumpur, pada 12 April 2001

4.3.2.4. Program Berkembar Pendidikan Peringkat Tinggi

Bersandarkan infrastruktur pendidikan tajaan JIM yang telah sedia ada, kini JIM mengorak langkah ke arah mewujudkan program-program berkembar dengan universiti-universiti atau maktab-maktab universiti dalam dan luar negeri. Pendekatan ini bertujuan untuk mewujudkan serta melebarkan peluang pendidikan di peringkat tinggi kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah-sekolah menengah anjuran JIM khasnya dan pelajar-pelajar luar amnya. Akademi Islah Malaysia adalah di antara institusi JIM yang berusaha mewujudkan proses pembudayaan ilmu di negara dan rantau ini. Dua program anjuran bersama JIM dan PERDAUS³⁸ dengan kerjasama Majlis Ulama' Islam Singapura (MUIS) digerakkan bertaraf Diploma al-Qur'an dan as-Sunnah dan Diploma Pengurusan Islam di Singapura. Selain daripada menganjurkan seminar di Negara Brunei, Akademi Islah Malaysia juga menjalankan kursus-kursus yang bersifat pembudayaan 'ilmu dalam bidang remaja, bimbingan belajar dan kekeluargaan serta merangka beberapa pakej program untuk terbitan televisyen dalam bidang pembangunan dan profesionalisme kerjaya.

4.3.3. Kemudahan Pendidikan

Struktur sokongan merupakan medan bagi JIM menghulurkan sumbangan dan sokongan kepada program-program pendidikan yang digerak dan dikendalikan oleh ahli-ahli dan rakan-rakan JIM. Usaha ini dilakukan melalui penyelarasaran dasar

³⁸ Persatuan Bekas Pelajar-pelajar Dewasa Ugama Islam Singapura, Lihat Saari Sungib (1996), op.cit,h. 52

pendidikan, kurikulum, ko-kurikulum, bahan teks, modul-modul latihan guru dan program-program pendidikan JIM sebagaimana yang digariskan dalam struktur teras, dengan institusi-institusi program-program yang dikendalikan oleh JIM sama ada di peringkat negeri atau daerah.³⁹ Demikian juga yang digerakkan oleh manama ahli dan rakan JIM yang menjalankan institusi pendidikan tanpa menggunakan identiti JIM atau pun institusi pendidikan anjuran ahli-ahli JIM yang penubuhannya dibuat tanpa sebarang keputusan mengikut bidangkuasa JIM sama ada negeri atau daerah tetapi bersedia untuk bernaung di bawah struktur sokongan JIM.

Penyelarasan pelaksanaan pendidikan turut digerakkan melalui majlis-majlis perundingan dalam bentuk Majlis Guru Besar dan Majlis Pengerusi Lembaga Pengelola Sekolah yang bersifat *consultative*. Walaubagaimanapun, itu hanyalah sekadar penyelarasan dan *enrichment* dengan mengekalkan autonomi masing-masing institusi pendidikan dan bukan *legislative*. Dalam masa yang sama, struktur membuat keputusan dalam institusi masing-masing tidak diubah oleh majlis-majlis perundingan ini. Perlaksanaan program-program bersama seperti program latihan guru, bengkel peningkatan kemahiran mengajar, perkhemahan syabab peringkat nasional dan seumpamanya yang meningkatkan prestasi semua pihak yang terlibat dalam menjadikan program-program pendidikan sebagai sebahagian daripada proses pengislahan masyarakat.⁴⁰

³⁹ Wawancara dengan Ustaz Megat Amin Megat Mohd. Noor, Pengelola Institusi Pendidikan al-Amin, di Pejabat Pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, Kuala Lumpur, pada 12 April 2001

⁴⁰ Saari Sungib (1995), op.cit, h. 104

4.4. Laporan Kajian dan Analisa Data.

4.4.1. Latar belakang Responden

Penulis telah menjalankan kaji selidik melalui borang kaji selidik yang diedarkan kepada lima puluh orang ahli JIM. Berdasarkan respon yang diterima, maka di sini adalah penganalisaan data-data yang telah diperolehi.

Merujuk kepada latar belakang keanggotaan JIM, ahlinya terdiri daripada kaum lelaki dan kaum perempuan. Peringkat umur ahli JIM pula seramai 12 atau 24 % responden berumur di dalam lingkungan 18 hingga 29 tahun dan 19 atau 38 % responden berumur di antara 30 hingga 39 tahun. Sementara itu, responden yang berumur 40 hingga 49 tahun adalah seramai 16 atau 32 % responden, manakala yang selebihnya iaitu 3 atau 6 % responden terdiri daripada mereka yang mencapai 50 tahun.

Ahli JIM terlibat di dalam pelbagai bidang pekerjaan. Melalui kaji selidik yang dijalankan, didapati seramai 9 atau 18 % responden bekerja sendiri, 24 atau 48 % bekerja di sektor swasta dan 17 atau 34 % berkhidmat di bawah jabatan kerajaan. Maka di sini menunjukkan bahawa JIM terbuka kepada mana-mana individu yang berminat ke arah pengislahan masyarakat. Sesungguhnya pekerjaan bukanlah penghalang bagi setiap insan itu untuk sama – sama menggembangkan tenaga bagi menegakkan syiar Islam.

Jika ditinjau dari sudut penyertaan ke dalam JIM, rata – rata mereka terdiri daripada mereka yang baru memulakan langkah tidak kurang juga mereka yang sudah banyak pengalamannya di dalam JIM. Mengikut kaji selidik, responden yang menyertai JIM dalam jangka masa 1 hingga 2 tahun adalah seramai 5 atau 10 % dan penyertaan antara 2 hingga 5 tahun pula seramai 11 atau 22 % responden. Manakala penyertaan antara 5 hingga 10 tahun seramai 14 atau 28 % responden berpengalaman dalam lingkungan 5 hingga 10 tahun dan yang paling banyak pengalaman sebagai ahli JIM iaitu 10 tahun ke atas adalah seramai 40 % responden.

Melalui kaji selidik latar belakang ahli JIM, penulis membuat andaian penyertaan yang mempunyai pelbagai tahap ini menunjukkan bahawa JIM bergerak dan menggalakkan orang ramai turut serta di dalam usahanya.

Jadual 4.1 : Latar Belakang Responden

Latar Belakang Responden	Kekerapan	Peratusan
2- Umur		
a- 18 - 29	12	24 %
b- 30 - 39	19	38 %
c- 40 - 49	16	32 %
d- 50 ke atas	3	6 %
4- Pekerjaan		
a- Kerajaan	17	34 %
b- Swasta	24	48 %
c- Sendiri	9	18 %
d- Pelajar	-	
e- Tidak bekerja	-	
8- Penglibatan Dalam Jamaah		
a- 1- 2 Tahun	5	10 %
b- 2- 5 Tahun	11	22 %
c- 5- 10 Tahun	14	28 %
d- 10 tahun ke atas	20	40 %

Sumber: Borang Kaji Selidik

4.2 Tahap Pemahaman Konsep Islah Di kalangan Ahli JIM

Kebanyakan ahli JIM mengakui bahawa mereka memahami tentang islah yang digerakkan. Tahap pengetahuan mereka tentang pengertian tentang islah itu hampir sama dan hanya sedikit sahaja perbezaannya. Melalui kaji selidik, seramai 31 atau 62 % responden yang memahami islah sebagai pemberkian ke atas masyarakat. Hanya 3 atau 6 % sahaja responden yang memilih islah ialah memperbaiki akhlak remaja sahaja, manakala 17 atau 34 % lagi memberikan jawapan islah adalah menyampaikan dakwah secara menyeluruh.

Daripada analisa yang diperolehi, penulis mendapati pemahaman tentang islah lebih tertumpu ke arah usaha-usaha menyampaikan dakwah.

Dalam kajian mengenai Jamaah Islah, penulis mendapati kebanyakan ahli memberikan pandangan yang berbeza. Hanya 4 atau 8 % responden berpendapat anggota Jamaah menggambarkan tanggungjawab terhadap keluarga. Namun kebanyakan responden memberikan pandangan tentang Jamaah Islah sebagai sebuah Jamaah yang menerima sepenuhnya syariat Islam iaitu seramai 23 atau 46 % responden. Begitu juga seramai 23 % atau 46 % responden memilih Jamaah sentiasa mendampingi masyarakat.

Kefahaman tentang Jamaah ini menunjukkan bahawa sebarang bentuk gerakan pengislahan yang digerakkan sama ada secara individu atau Jamaah

mempunyai tujuan yang sama. Masing-masing ingin menegakkan syariat Islam ke atas masyarakat.

Selain kefahaman mengenai islah, penulis turut mengkaji tahap pengetahuan ahli Jamaah tentang gerakan Islah Syeikh Muhammad 'Abduh. Seramai 10 atau 20 % responden mengenali tokoh ini dengan mendalam. Manakala kebanyakan ahli iaitu 32 atau 64 % responden hanya mengetahui serba sedikit mengenai tokoh ini dan 8 atau 16 % responden lagi kurang mengenalinya. Pernyataan ini dapat dilihat di dalam bentuk jadual di bawah:

Jadual 4.2 : Tahap Pengetahuan Gerakan Islah Syeikh Muhammad 'Abduh

TAHAP PENGETAHUAN	KEKERAPAN	PERATUSAN
a-Mengetahui dengan sepenuhnya	10	20 %
b-Tahu serba sedikit	32	64 %
c-Kurang mengenalinya	8	16 %
Jumlah	50	100 %

Sumber: Borang Kaji Selidik

Bagi menyelidiki kefahaman ahli Jamaah tentang gerakan Islam di Malaysia, hanya 2 atau 4 % yang digerakkan oleh para pelajar. Usaha ke arah memartabatkan umat Islam pula , merupakan pilihan oleh 22 atau 44 % responden. Pilihan utama seramai 26 atau 52 % responden ialah menyebarkan dakwah Islam.

Selain kefahaman ahli mengenai Jamaah, penulis turut melihat dari sudut penghayatan Islam di kalangan masyarakat selepas mereka menyertai Jamaah. Ini kerana, Jamaah ini amat menekankan bidang peribadatan kepada ahli-ahlinya sebelum melakukan pengislahan ke atas masyarakat. Sejumlah 19 atau 38% responden merasakan penghayatan Islam mereka bertambah baik setelah melibatkan diri di dalam Jamaah. Manakala seramai 31 atau 62 % responden masih di peringkat baik. Namun begitu, kajian ini menunjukkan penghayatan dan kefahaman Islam ahli Jamaah lebih baik daripada sebelum menyertai Jamaah. Penulis juga mendapati tiada seorang pun ahli Jamaah yang memberikan respon tiada perubahan atau melemahkan penghayatan Islam di dalam diri mereka. Secara keseluruhan, sejauhmana penghayatan dan pemahaman Islam ini dapat digambarkan melalui carta di bawah.

Carta 4.3 : Penghayatan dan Kefahaman Islam di Kalangan Ahli JIM



4.4.3. Pendekatan Islah.

Mengenai konsep islah yang diamalkan dalam Jamaah, rata-rata ahli Jamaah memberikan persetujuan. Ini kerana konsep yang digerakkan ini selaras dengan sunnah Rasulullah. Sesetengah responden memberikan alasan konsep islah ini dapat

mengoperasikan dakwah secara hikmah dan melibatkan masyarakat selain memberikan banyak pendedahan d kalangan ahli.

Penulis turut menganalisa seramai 24 atau 48 % responden memilih berjamaah adalah cara pengislahan yang berkesan. Walaubagaimanapun, 26 atau 25 % responden lebih berminat cara organisasi untuk mencapai pendekatan yang berkesan di dalam menggerakkan islah. Di sini, penulis mendapati keseluruhan daripada mereka langsung tidak bersetuju pengislahan dilakukan secara individu.

4.4.4. Kerja dan Aktiviti

Melalui kajian yang dijalankan, penulis dapati aktiviti Jamaah mempunyai hubungkait dengan gerakan tokoh islah di awal abad ke 20. Seramai 22 atau 44 % responden bersetuju tokoh-tokoh islah adalah rujukan khusus bagi menggerakkan islah. Manakala 28 atau 56 % responden karya – karya tokoh islah menjadi rujukan.

Antara tokoh-tokoh islah yang seringkali dikaitkan dengan Jamaah ialah 5 atau 10 % responden memilih Syeikh Muhammad ‘Abduh dan islah yang digerakkan oleh Imām Hassan al-Banna dan Sayed Qutb menjadi pilihan utama oleh 45 atau 90 % responden.

Ini menunjukkan bahawa islah yang digerakkan oleh JIM sedikit sahaja menerima pengaruh secara langsung daripada Muhammad ‘Abduh. Tokoh – tokoh islah seperti Imām Hassan al-Banna dan Sayed Qutb yang mendapat pendedahan

dengan gerakan islah Muhammad ‘Abduh lebih memberikan kesan ke atas Jamaah ini.

Dari sudut aktiviti yang dijalankan oleh Jamaah, mereka telah mengaturkan beberapa program. Antaranya ialah ta’lim, usrah, tamrin selain daripada mukhyyan, katibah, daurah, riadhah dan sebagainya. Tetapi ada juga ahli Jamaah yang tidak mengikuti program yang dianjurkan ini. Melalui kaji selidik, didapati 46 atau 92 % responden melaksanakan amalan ta’lim, usrah dan tamrin. Sebaliknya hanya 4 atau 8 % responden yang tidak melibatkan diri di dalam amalan tamrin.

Jadual 4.4 : Aktiviti Jamaah

PERKARA	KEKERAPAN	PERATUSAN
Selalu mengikuti ta’lim, usrah, tamrin, daurah, katibah dan riadhah	38	76 %
Kadangkala sahaja mengikuti katibah, daurah dan riadhah	8	16 %
Tidak pernah mengikuti tamrin	4	8 %
Jumlah	50	100 %


Sumber: Borang Kaji Selidik

Semua ahli Jamaah bersetuju islah merangkumi segala aspek kehidupan manusia. Bentuk pengisahan yang dijalankan terbahagi kepada perkara iaitu falsafah dan pemikiran, pendidikan, politik dan pentadbiran serta pengisahan ekonomi. Dalam menggerakkan islah, sejumlah 8 atau 16 % responden selalu menggerakkan islah falsafah dan pemikiran. Manakala pengisahan yang seringkali digerakkan adalah pendidikan iaitu seramai 32 atau 64 % responden memilih bentuk

ini. Pengisian dari sudut politik dan pentadbiran dipilih oleh 3 atau 6 % responden begitu juga dengan ekonomi yang menjadi pilihan 7 atau 14 % responden.

Maklumat lanjut boleh didapati melalui carta di bawah:

Carta 4.5 : Bentuk Pengisahan yang Digerakkan Oleh JIM



Sumber: Borang Kaji Selidik

Berdasarkan kepada analisa di atas, penulis membuat kesimpulan bahawasanya islah tidak dapat dipisahkan daripada semua generasi. Keadaan sekeliling sentiasa berubah corak dan kita perlu sedia untuk berubah dan diubah semata-mata kerana Islam. Demikianlah gerakan islah sentiasa berterusan sama ada pada abad yang lalu digerakkan oleh tokoh-tokoh seperti Muhammad 'Abduh atau pun pada masa kini yang banyak digerakkan dalam bentuk Jamaah seperti Jamaah Islah Malaysia.

4.4.5. PENILAIAN

Penerimaan Masyarakat

Apabila sebuah pertubuhan yang lebih fokus kepada masyarakat ditubuhkan, sudah pasti sokongan daripada golongan masyarakat amatlah diperlukan. Tidak mungkin berlakunya pengisian sekiranya tiada pihak yang menggerakkannya dan tiada respon daripada masyarakat sekelilingnya. Demikianlah di sini, penulis ingin menilai sejauhmana penerimaan masyarakat terhadap Jamaah Islah Malaysia. Penulis sempat menemuramah beberapa orang anggota masyarakat di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Kebanyakan mereka yang ditemuramah kurang mengetahui secara mendalam mengenai Jamaah Islah Malaysia. Mengikut pendapat responden pertama,⁴¹ Jamaah ini kurang berkembang dan aktiviti mereka juga kurang disebarluaskan kepada masyarakat umum dan boleh dikatakan agak terbatas. Lantaran itu, sukar bagi orang awam untuk menyertai program yang dianjurkan oleh Jamaah ini.

Responden kedua⁴² memberikan pendapat bahawa Jamaah Islah Malaysia lebih menonjol di dalam pengisian dari sudut pendidikan .Jamaah ini kurang melibatkan diri di dalam bidang politik. Walaubagaimanapun, Beliau mengetahui serba sedikit tentang program dakwah ke atas non-Muslim yang dianjurkan oleh JIM. Ini adalah satu usaha dakwah yang jarang dilakukan secara individu sebaiknya

⁴¹ Wawancara dengan A , Guru di Klang, Selangor pada 13 Mac 2001.

⁴² Wawancara dengan B, Guru di Klang, Selangor pada 13 Mac 2001.

secara berkumpulan. Beliau turut berharap, dengan adanya Jamaah, usaha dakwah akan berterusan bukan hanya dikalangan non-Muslim, bahkan dikalangan orang Islam sendiri yang memerlukan pentarbiahan.

Mengikut pandangan responden ketiga,⁴³ Jamaah Islah Malaysia merupakan sebuah Jamaah yang berusaha menggerakkan Islam ke dalam masyarakat. Fokus utama mereka adalah usaha-usaha dakwah dan cukup menitikberatkan bidang pendidikan. Usaha ini dapat dilihat dengan tertubuhnya Sekolah Rendah Islam al-Amin dan Sekolah Menengah Islam al-Amin.

Sementara responden keempat⁴⁴ mengatakan kurang pengetahuan mengenai Jamaah Islah Malaysia kerana tidak menganggotai persatuan ini. Kemungkinan juga usaha untuk memperkenalkan Jamaah ini disemua peringkat atau secara meluas kurang dilakukan. Walaubagaimanapun, beliau menyifatkan setiap Jamaah yang ditubuhkan sudah pasti cuba melaksanakan satu usaha ke arah memartabatkan Islam begitu juga dengan Jamaah ini.

Responden kelima⁴⁵ pula berpendapat bahawa pertubuhan ini lebih menumpukan bidang ibadat berbanding usaha menegakkan *daulah Islamiyyah*. Aktiviti mereka juga terhad dikalangan ahli sahaja dan dilakukan secara

⁴³ Wawancara dengan C, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Kuala Lumpur pada 14 Mac 2001

⁴⁴ Wawancara dengan D, Juruteknik di Kuala Lumpur pada 14 Mac 2001

⁴⁵ Wawancara dengan E, Kerani di Selangor pada 15 Mac 2001

tersembunyi. Sebenarnya apa yang ingin dilaksanakan oleh pertubuhan ini adalah baik, tetapi tidak disebarluaskan kepada umum atau menyeluruh.

Secara keseluruhannya, penulis membuat kesimpulan dalam penenrimaan masyarakat terhadap Jamaah Islah Malaysia, mereka kurang memberi komentar disebabkan pengetahuan mereka yang cetek tentang Jamaah ini. Walaubagaimanapun, ramai yang memberikan tanggapan positif dan tidak kurang juga ada negatifnya kerana usaha JIM untuk menggerakkkan islah dengan melaksanakan pemberian ke atas masyarakat dianggap murni, tetapi maklumat tentang Jamaah ini kurang diketahui umum.

Kebanyakan masyarakat umum pada hari ini lebih menumpukan kepada isu-isu yang besar dan yang lebih mencabar. Selain daripada itu, pada masa kini, banyak pertubuhan Islam yang mana objektifnya hampir sama ditubuhkan di negara kita. Lantaran itulah, mana-mana pertubuhan yang lebih menonjol dan bergerak aktif menyebarkan risalah mengenainya akan mendapat sambutan yang lebih baik berbanding pertubuhan yang kurang pendedahan kepada masyarakat umum.

4.5. Kesimpulan

Pengaruh Syeikh Muhammad ‘Abduh sememangnya kuat dan berkesan ke atas pemikiran umat Islam semasa mahu pun selepas pemergian beliau. Gerakan yang dipeloporiinya menjadi inspirasi bagi pembentukan gerakan-gerakan masa kini di Nusantara sama ada secara individu atau jamā’i. Demikianlah apabila berkumandang suara yang melaungkan kalimah ‘reformasi’, perjuangan tokoh-tokoh islah terdahulu tersingkap kembali. Perbezaan masa dan keadaan bukanlah bermakna terpisahnya idea dan digantikan dengan idea-idea baru, tetapi idea yang lama dikembangkan semula dengan pendekatan terkini.

Demikianlah pengaruh Syeikh Muhammad ‘Abduh ke atas gerakan Islam Malaysia yang difokuskan kepada pertubuhan Jamaah Islah Malaysia, walaupun kesannya tidaklah seratus peratus atau keseluruhannya, namun wujud juga persamaannya cuma kuantitinya sahaja yang berbeza. Muhammad ‘Abduh dengan gerakan secara *farḍi* dan JIM dengan jamaahnya, tetapi masing-masing bercita-cita ke satu arah iaitu mengislahkan masyarakat daripada kemunduran kepada kehidupan yang lebih baik.